

Berita kurang tepat jejas kepentingan masyarakat

Media memainkan peranan terbaik membantu kerajaan membangunkan negara atas fungsinya sebagai pemerhati, penghubung, pentafsir dan penghibur.

Lazimnya, setiap media mempunyai sasaran pengguna yang tersendiri dan fungsi yang dimainkan agak berbeza.

Secara amnya, sarjana komunikasi bersejajanya media mempunyai empat peranan utama iaitu pemerhati, pentafsir, penghubung dan penghibur.

Keempat-empat peranan ini dilihat dengan jelas berdasarkan sasaran setiap media terbabit dan pengisiannya, adakah ia memberikan manfaat kepada pembaca.

Namun, setiap fungsi terbabit mempunyai kebaikan dan keburukannya tersendiri. Pembaca sewajarnya dapat menilai antara baik dan buruk sesuatu media bagi memastikan mereka memperoleh maklumat sebenarnya.

Sekiranya dilihat secara mendalam, keempat-empat fungsi media massa terbabit mempunyai kesan baik dan kesan buruk kepada pembacanya. Kesan berkenaan akan berlaku sekiranya pembacanya terlalu bergantung kepada media untuk mendapatkan maklumat dan berita tanpa merujuk kepada sumber alternatif lain.

Bertindak sebagai pemerhati

Peranan sebagai 'pemerhati' boleh ditafsirkan sebagai pemerhati yang mengawasi sebarang peristiwa berlaku di sekitar kita. Melalui pemerhatian berkenaan media akan melaporkan kepada pembaca melalui berita atau maklumat, tetapi tidak semua perkara yang berlaku akan dilaporkan kerana media hanya memilih peristiwa yang signifikan dan memberikan kesan mendalam kepada masyarakat di sekelilingnya.

Fungsi pentafsir media massa ini amat berkait rapat dengan fungsi pemerhati. *Gatekeepers* media akan menentukan mana berita yang penting akan disebarkan mengikut kepentingan dan keutamaannya. Bukan semua berita diterima akan disebar di televisyen atau radio. Selain menyiarkan berita, media juga menyediakan ruang untuk komentar pembacanya. Artikel yang membincangkan implikasi sesuatu dasar, kritikan, karikatur juga membentuk interpretasi khalayak.

Kebanyakan pihak melihat peranan media untuk menghibur khalayak sebagai fungsi yang paling dominan. Filem, muzik, berita sukan, rancangan hiburan, sitkom dan kartun yang disiarkan di media memainkan fungsi hiburan kepada khalayak dengan kos rendah dan murah.

Hari ini, isu kebebasan dicanangkan dengan pelbagai tafsiran. Ketika media perdana dianggap pelapor kerajaan, media alternatif dicanangkan sebagai bebas.

Tanggapan ini tidak benar kerana takrif kebebasan bukan bermakna bebas mengeluarkan berita yang tidak tepat dan menjejaskan kepentingan umum.

Noor Maghfirah Mohamed Ali

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)